



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BERSEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN BULAN JANUARI 2019**

**TARIKH : 30 JANUARI 2019 (RABU)
MASA : 8.30 PAGI
TEMPAT : AUDITORIUM PERDANA
BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakaatuh,

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,

Terima kasih diucapkan kepada saudara dan saudari pengacara majlis serta kumpulan koir dari Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang dipimpin dengan hebatnya oleh Puan Emilia Ameera Binti Mohd Shafie, dan juga kepada Koperal PB Mohd Fkrinizam Abu Bakar yang telah memimpin bacaan doa kita sebentar tadi,

Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Kewangan) JPM,

Yang Berbahagia Dato' Junaidah binti Kamarruddin,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

Yang Berusaha Puan Shobah binti Jamil,
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
selaku tuan rumah majlis perhimpunan kita pada kali ini, dan

Yang Berusaha Puan Aireen binti Omar, Timbalan CEO Airasia Berhad,
selaku penceramah jemputan kita pada hari ini dan juga team Air Asia.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, kita dapat sama-sama berhimpun dalam majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi bulan Januari dan yang merupakan perhimpunan pertama kita bagi tahun 2019 ini. Masih belum lewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2019 buat semua warga JPM serta hadirin-hadirat yang turut hadir pada pagi ini. Jadi, kalau kita lihat pada tema perhimpunan kita pada harini iaitu *Our Way Forward*. Saya rasa ini amat bertepatan sekali kerana kita sekarang ini baru melangkah hampir sebulan di tahun 2019.
2. Melihat kepada suasana di JPM ini, komitmen dan semangat luar biasa yang ditunjukkan oleh semua hadirin-hadirat warga JPM sepanjang tahun 2018, insyaAllah saya rasa hasrat dan matlamat kita untuk menjadikan JPM sebagai sebuah Jabatan yang dapat memberikan dan menjadi contoh kepada Jabatan-jabatan lain boleh dicapai dengan kerjasama yang padu dan erat dari semua.
3. Cabaran dan dugaan tahun 2018 telah dapat kita sama-sama harungi, akan sama-sama memberikan pengajaran kepada kita untuk memastikan agar 2019 ini dapat kita teruskan dan tingkatkan lagi usaha kita untuk memburu dan mencapai kejayaan yang cemerlang.

UCAPAN PENGHARGAAN

4. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang diberikan kenaikan pangkat dan yang menerima Anugerah Penjawat Awam Cemerlang Bulanan Jabatan Perdana Menteri. Saya berharap semoga kecemerlangan yang telah ditunjukkan ini menjadi pemangkin dan dorongan kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus komited dan cemerlang dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

5. Kepada beberapa orang pegawai dan kakitangan kita telah bertukar keluar/bersara sepanjang bulan Disember 2018. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan tahniah dan terima kasih atas segala sumbangan khidmat bakti yang telah mereka curahkan selama bersama-sama berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri. Saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan terus cemerlang di tempat baharu serta memberikan perkhidmatan yang terbaik ke mana sahaja tuan-tuan dan puan-puan berada.

6. Kepada pegawai/kakitangan yang baharu melapor diri ke Jabatan Perdana Menteri, saya amat mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri dengan baik dengan persekitaran kerja yang baharu, dan saya yakin tuan-tuan dan puan-puan semua dapat mencurahkan khidmat bakti serta menyumbang idea dan pengalaman masing-masing bagi membantu JPM dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan

berkualiti.

7. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Penerima Anugerah Peminjam Paling Aktif @ Perpustakaan JPM dan juga Bahagian Khidmat Pengurusan yang dianugerahkan sebagai *Most Active Department Lending Books @ Perpustakaan JPM* bagi bulan Disember 2018. Budaya minat membaca ini sememangnya amat saya galakkan dan harus diteruskan buat semua warga JPM sebagai salah satu medium untuk meningkatkan nilai tambah pengetahuan dan kemahiran dan seterusnya menghasilkan kualiti kerja yang tinggi dan memberi manfaat secara langsung kepada organisasi kita.
8. Tahniah juga kepada yang telah berjaya mengharungi *90 Days Fit Challenge* sehingga membawa kejayaan. Apa yang mustahak bagi saya adalah kita sentiasa sihat kerana kesihatan yang baik dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Terima kasih kepada Kelab Sukan dan Kebajikan JPM yang telah menganjurkan pertandingan ini.

HALA TUJU NEGARA 2019

Hadirin hadirat yang dikasihi,

9. Semasa sesi Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga JPM pada bulan Januari 2019, YAB Perdana Menteri telah mengajak kita semua untuk muhasabah tentang sejarah negara kita sebagai salah satu cara untuk kita menyusun strategi ke arah membangunkan negara

kita pada masa hadapan.

10. **YAB Perdana Menteri telah memetik kata-kata George Santayana** (Ahli Falsafah berbangsa Sepanyol) bahawa **“Sesiapa yang melupakan sejarah, akan didera dengan mengulangi kesalahan-kesalahan mereka berkali-kali”**. Sejarah telah membuktikan bahawa persetujuan di kalangan para pemimpin pada masa tersebut supaya perpaduan antara kaum di Malaysia dieratkan dengan penyertaan semua kaum dalam jentera pentadbiran negara.
11. Semangat sedemikian hendaklah kita warisi dengan penuh iltizam yang kukuh daripada semua kaum agar kemajuan dan kemakmuran negara dapat dipacu dengan lebih cekap, tersusun dan berkesan. Sejarah telah memberi banyak pengajaran kepada kita, malah kita juga dapat membandingkan sejarah negara kita dengan negara-negara lain yang mencapai kemerdekaan masing-masing dalam tempoh waktu yang lebih kurang sama dengan kita.
12. YAB Perdana Menteri menggesa agar semua pemimpin-pemimpin kerajaan, ahli-ahli politik dan juga penjawat awam agar mengambil iktibar atas sejarah lampau negara dalam membentuk acuan pembangunan negara. Ini merupakan aspek penting yang perlu kita tanam dalam jiwa masing-masing agar negara kita terus aman dan seterusnya kemajuan negara dapat dicapai dengan lebih baik.

13. Selain dari itu, YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar, Ketua Setiausaha Negara semasa berucap dalam majlis *Public Sector CIO Convex 2018* telah menyebut bahawa “*The most dangerous course of action is standing still in a time of rapid change*”. Ini merupakan satu peringatan yang baik kepada kita semua supaya sentiasa berfikiran terbuka dan bersedia dengan cabaran teknologi terkini, dalam menangani aspek kemajuan ekonomi dan perubahan politik negara.
14. Keupayaan untuk kita menyesuaikan diri dengan cepat terhadap perubahan sains dan teknologi merupakan elemen penting untuk kita terus kekal bersaing dan mengelakkan organisasi kita ketinggalan, dan akhirnya menjadi tidak relevan.
15. Sehubungan itu, saya menyeru demi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada negara, kita warga JPM hendaklah sentiasa bersedia untuk mencipta peluang dan melaksanakan perubahan dalam mengharungi cabaran-cabaran di hadapan.

REVOLUSI INDUSTRI 4.0

YBhg. Dato’/Tuan/Puan sekalian,

16. Menurut pengasas Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab dalam bukunya *The Fourth Industrial Revolution (I.R. 4.0)* menjelaskan

Revolusi Industri Keempat ini ditandai dengan kemunculan superkomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi, suntingan genetik dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia untuk lebih mengoptimalkan fungsi otak.

17. Dalam mendepani era I.R. 4.0 ini, yang menekankan kepada *digital economy, artificial intelligence, big data, robotic* dan sebagainya, setiap warga JPM perlu menjadi pegawai/kakitangan yang mampu berfikir secara kreatif dan kritis, dan bukan hanya menjadi seorang pengikut.
18. Revolusi ini menandakan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi. Dengan kata lain, teknologi automasi itu dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung. I.R. 4.0 juga dapat mengatasi masalah kebergantungan terhadap sumber tenaga yang secara signifikan akan mengubah masa depan dunia pekerjaan.
19. Jika kita baca sejarah, semasa revolusi perindustrian pertama dahulu manusia bergantung kepada penggunaan mesin berkuasa wap, revolusi perindustrian kedua pula melibatkan kebergantungan terhadap kuasa elektrik sebelum disusuli dengan pengenalan teknologi maklumat dan komputer dalam era revolusi perindustrian ketiga.

20. Penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, *Internet of Things* (IoT), *big data analysis*, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan *cloud* bakal merancakkan lagi lonjakan kemajuan dunia moden.
21. Revolusi ini menandakan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi. Dengan kata lain, teknologi automasi itu dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung.
22. I.R. 4.0 juga dapat mengatasi masalah kebergantungan terhadap sumber tenaga yang secara signifikan akan mengubah masa depan dunia pekerjaan. Jadi, sekiranya cabaran teknologi baharu yang kompleks itu tidak diberi penekanan sewajarnya, ia boleh menyebabkan Malaysia jauh ketinggalan dalam persaingan di peringkat global.
23. Oleh yang demikian, kita semua warga JPM perlu menjadi "*catalyst*" dan berani ke hadapan dalam menghadapi cabaran. Hasrat dan impian YAB Perdana Menteri untuk meletakkan negara kita setanding dengan negara-negara maju yang lain hendaklah kita sahut dan sama-sama menyumbang keringat dan tenaga untuk merealisasikan impian tersebut.

24. Menepati dengan tema perhimpunan kita kali ini, “JPM 2019 : *Our Way Forward*” maka kita telah membuat kerjasama strategik dengan pihak Airasia Berhad untuk berkongsi idea dan pengalaman mereka dalam mengharungi cabaran I.R. 4.0 bagi mengekalkan tahap persaingan mereka dalam ekonomi tempatan dan antarabangsa. Perkongsian ini nanti diharap dapat memberi gambaran yang lebih jelas serta mencetus idea baharu kepada kita semua untuk sama-sama membawa JPM ke persada yang lebih tinggi dalam perkhidmatan awam.

PENUTUP

Hadirin hadirat sekalian,

25. Bagi mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menjayakan majlis pagi ini terutama kepada Puan Shobah dan Bahagian Khidmat Pengurusan, samada yang terlibat secara langsung atau tidak.

26. Saya menyeru agar semua warga JPM dapat memberikan yang terbaik seterusnya membuktikan kita sebagai sebuah organisasi yang terbaik antara organisasi-organisasi sektor awam yang lain.

27. Didoakan juga semoga segala apa yang dirancang bagi tahun 2019 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya sekali lagi yakin dan percaya

dengan kredibiliti hadirin-hadirat semua mampu membawa JPM ke aras yang lebih tinggi dan unggul dalam memberi penyampaian perkhidmatan yang terbaik. InsyaAllah.

28. Saya rasa bagi bulan Januari dan Februari ini banyak sekali acara-acara rasmi yang perlu dilaksanakan, tetapi jangan dilupakan dengan tugas-tugas hakiki kita. Cabaran kita yang sebenarnya adalah kita hendaklah memastikan segala urusan seperti kewangan, pembangunan dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur seperti yang dirancang. Mudah-mudahan agar tugas yang diberikan ini dapat kita sama-sama melaksanakannya dengan sebaik mungkin kerana kejayaan organisasi dalam menjalankan tanggungjawab ini memerlukan kerjasama dan komitmen dari semua.

29. Kita berdoa agar kita diberikan kekuatan kesihatan yang sempurna dan mempunyai semangat dalam melaksanakan segala yang dirancang.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.